

Bagi menjayakan perjuangan dalam UMNO - Abdullah **Ada tempat untuk Dr. M**

Daripada ZAINI HASSAN

HELSINKI 10 Sept. - Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membejajaminan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad masih mempunyai tempat dalam parti itu dan boleh memainkan peranan untuk menjayakan perjuangannya.

Menurut Abdullah lagi apa yang diharapkan dan ahli-ahli UMNO, Dr. Mahathir akan menyokong usaha yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

Beliau memberi contoh bagaimana bekas-bekas wakil rakyat BN membentuk Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) kerana semua mereka ingin terns berkhidmat dengan cara mereka sendiri demi perjuangan parti dan negara.

Tun sendiri telah dilantik menganggotai kumpulan-kumpulan tertentu termasuk mengepalai Kumpulan Tokoh Penting Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Beliau juga diberi inisiatif dalam Forum Keamanan Sejagat, Penasihat Petronas, Proton." katanya pada sidang akhbar dengan wartawan Malaysia selepas menghadiri sesi Sidang Kemuncak Asia-Eropah Ke-6 di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian semasa ditanya berhubung peranan yang boleh dimainkan oleh Dr. Mahathir dalam UMNO setelah tidak terpilih sebagai perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu ke perhimpunan agung parti itu.

Beliau berkata, bekas Perdana Menteri itu akan dijemput ke Perhimpunan Agung UMNO November ini. "Tun tidak dikecualikan," katanya.

Dalam pemilihan semalam, Dr. Mahathir hanya mendapat tempat ke-9, daripada tujuh yang dipilih melalui pengundian.

Kekalahan Dr. Mahathir semalam menarik perhatian banyak pihak mengenai kedudukannya dalam UMNO dan sumbangan yang boleh diberikan kepada parti itu dan rakyat.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Abdullah mengesahkan dua rakyat Malaysia ditahan di kem tahanan Amerika Syarikat (AS) di Teluk Guantanamo, Cuba.

Ada tempat untuk Dr. M

Katanya, beliau telah memberitahu Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar supaya mengarahkan Duta Malaysia di Washington menghubungi pihak berkuasa negara itu bagi memastikan kedua-duanya diberi keadilan.

"Mereka mesti diberi keadilan mengikut proses undang-undang," katanya.

Dua nama rakyat Malaysia itu timbul apabila Presiden George W. Bush mende-

dahkan mengenai pusat-pusat tahanan sulit Agensi Perisikan Pusat (CIA) di luar negara kini dikosongkan dan kesemua tahanan dipindahkan ke kem Teluk Guantanamo.

Mereka dikenali sebagai Lilie @ Mohammed Nazir Lep dan Mohd. Farik Amin atau Zubair dan kedua-duanya dikatakan terlibat dalam aktiviti keganasan yang ada kaitan dengan al-Qaeda.